

22/09/1997

PM saran cara niaga elak rugi

TAWAU, Ahad - Malaysia perlu mengurangkan perdagangan dan import barangan dari negara yang mata wangnya naik berbanding ringgit sebagai langkah mengimbangi kejatuhan nilai ringgit, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, sebaliknya kerajaan harus membeli barangan dari negara yang mata wangnya lebih rendah.

Dr Mahathir berkata, untuk penjualan pula Malaysia boleh mendapat keuntungan yang lebih dengan menjual barangannya ke negara yang mata wangnya sudah jatuh, berbanding ringgit.

"Berikutan kejatuhan nilai ringgit, kita harus kurangkan pembelian barangan dari negara yang mata wang mereka sudah meningkat seperti Amerika Syarikat atau membeli barangan yang dijual kepada kita dengan nilai atau penjualan dalam mata wang dolar Amerika," katanya ketika berucap merasmikan Shan-shui Golf and Country Club, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai memberi panduan kepada pengusaha dan peniaga Malaysia bagaimana mereka harus memanfaatkan kejatuhan nilai ringgit berikutan manipulasi dan serangan terhadap mata wang tempatan itu oleh spekulator sejak bulan lalu.

Menurutnya, langkah terbaru kerajaan itu bukan ditujukan kepada Amerika Syarikat semata-mata, sebaliknya tertumpu kepada semua perdagangan yang menggunakan dolar Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mempunyai banyak pilihan seperti membeli barangan dari Indonesia yang lebih murah kerana nilai mata wangnya juga jatuh.

Katanya, bagi negara yang mata wangnya meningkat, harga barangan Malaysia sudah menjadi murah bagi mereka.

"Tetapi kita jangan jual dengan harga yang jatuh, sebaliknya jual dengan mata wang mereka dan kita akan dapat lebih banyak ringgit daripada mereka.

"Ini bermakna kalau dulu kita jual satu barang dengan harga AS\$10, kita dapat RM25, hari ini kita jual terus dengan harga AS\$10 dan kita perolehi RM30 iaitu lebih RM5 daripada dulu.

"Tetapi ini kita kena pandailah, macam mana kita hendak berniaga kerana kalau kita tidak cekap, maka kita akan rugi," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun nilai ringgit jatuh, ia tidak murah berbanding mata wang lain seperti Deutschemark (Jerman) kerana ia juga turun nilai, begitu juga mata wang negara jiran seperti rupiah dan baht.

"Ini bermakna kita boleh mendapat keuntungan yang lebih dalam saingan kita dengan negara yang mempunyai mata wang yang sudah jadi lebih mahal daripada kita.

"Sebaliknya bagi negara yang mata wangnya jatuh lebih teruk berbanding ringgit, kita juga tidak rugi sangat kerana kita masih boleh dapat barangan dari Indonesia dan Filipina dengan harga yang lebih murah," katanya.

Berikutan serangan spekulatif terhadap ringgit bulan lalu yang disifatkan oleh Dr Mahathir dilakukan oleh spekulator 'penyangak', nilainya susut kira-kira 20 peratus berbanding dolar Amerika.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Parti Maju Sabah (SAPP) di sini hari ini, beliau berkata, kerajaan kini merangka strategi baru mengelak manipulasi dan kejatuhan mata wang untuk dilaksanakan secara jangka panjang. Ia bagaimanapun tidak akan dimasukkan dalam Belanjawan Negara 1998.

Katanya, antara tindakan yang segera diambil kerajaan sekarang ialah

menghentikan import kereta mewah kerana ia boleh mendorong kepada kejatuhan nilai ringgit negara.

Dr Mahathir berkata, beberapa langkah dan pendekatan lain turut dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengimbangi kejatuhan pasaran saham dan nilai mata wang.

Sehubungan itu, katanya, beliau akan mencadangkan supaya diwujudkan indeks mata wang (basket currencies) apabila menghadiri satu mesyuarat di Chile tidak lama lagi, sebagai strategi mengelak perbuatan memperdagang dan memanipulasi mata wang di pasaran terbuka.

Perdana Menteri berkata, kejatuhan nilai ringgit juga boleh mendatangkan keuntungan kepada industri pelancongan.

"Dalam industri pelancongan, kerana perkhidmatan sekarang dianggap lebih murah, pelancong akan datang lebih ramai terutama dari negara yang mata wangnya meningkat," katanya.

(END)